

**TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS  
PERASMIAN PENUTUP PROGRAM BAKTI SISWA SIRI 1 KUTKM 2006**

**TEMPAT:**

**MASJID KARIAH TANGKOH, JOHOL  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

**TARIKH :**

**17 SEPTEMBER 2006**

**TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS  
PERASMIAN PENUTUP PROGRAM BAKTI SISWA  
SIRI 1 KUTKM 2006 BERTEMPAT DI MASJID KARIAH  
TANGKOH, JOHOL, NEGERI SEMBILAN PADA 17  
SEPTEMBER 2006 JAM 10.00 PAGI**

BISMILLAHIRRAHIM

ASSLAMUALAIKUM W.B.T. DAN SALAM SEJAHTERA

Y.A.B DATO' SERI MOHAMAD BIN HAJI HASAN

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

Y.B AHLI-AHLI EXCO KERAJAAN NEGERI

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

YANG DIHORMATI KETUA-KETUA MASYARAKAT,  
AHLI-AHLI JAWATANKUASA PENDUDUK

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA  
HORMATI

ALHAMDULILLAH MARILAH KITA MEMANJATKAN  
KESYUKURAN KEPADA ALLAH S.W.T KERANA  
DIBERI KESEMPATAN KEPADA KITA HARI INI UNTUK  
BERKUMPUL BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS  
PERASMIAN PENUTUP PROGRAM BAKTI SISWA  
KUTKM 2006. SEMOGA PROGRAM YANG TELAH  
BERLANGSUNG BARI 13 FEBRUARI YANG LEPAS  
SEHINGGA HARI INI BENAR – BENAR TELAH  
MENCAPAI OBJEKTIFNYA.

PROGRAM ANAK ANGKAT BAKTI SISWA YANG  
DIANJURKAN HARI INI MERUPAKAN USAHA YANG  
TELAH DILAKSANAKAN OLEH KUTKM UNTUK

MEMBERI KESEDARAN SOSIAL KEPADA MAHASISWAI SUPAYA DAPAT MENANAM DAN MENGAMALKAN SEMANGAT PERPADUAN, PEMUAFAKATAN DAN BERINTERAKSI DENGAN MASYARAKAT SEKELILING. INTERAKSI SOSIAL INI PENTING UNTUK MEMBERI IMPAK KEPADA PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR SEBAGAI SUATU KEMAHIRAN "SOFT SKILL" YANG PERLU ADA KEPADA MEREKA. PARA MAHASISWAI PERLU DIDEDAHKAN KEPADA SUASANA KEHIDUPAN BERMASYARAKAT SUPAYA MEREKA BENAR-BENAR DAPAT MENYELAMI REALITI KEHIDUPAN DAN TIDAK TERBELENGGU DENGAN SUASANA PEMBELAJARAN DI KAMPUS.

Y.A.B/Y.B/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SALAH SATU MATLAMAT FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA ADALAH UNTUK MEMBENTUK PELAJAR SEBAGAI INSAN YANG SEIMBANG DAN HARMONIS.

CIRI-CIRI INSAN YANG SEIMBANG DAN HARMONIS IALAH INSAN YANG MEMILIKI DAN MENGHAYATI ILMU PENGETAHUAN, BERAKHLAK MULIA, BERPEGANG TEGUH KEPADA AGAMA, BERBUDAYA PENYAYANG, SIHAT DAN CERGAS SERTA DAPAT BEKERJASAMA DENGAN ORANG LAIN. JUSTERU PROGRAM HARI INI DIHARAP DAPAT MEMBUKA MINDA MAHASISWAI UNTUK MEMILIKI KESEDARAN DAN KEPRIHATINAN KEPADA PERKARA YANG MENJADI TUNTUTAN TERSEBUT.

UNIVERSITI ADALAH SATU GEDUNG ILMU YANG TERATAS DAN TERPUNCAK SEBAGAI CABANG KEPADA PELAJAR UNTUK MENUNTUT ILMU PENGETAHUAN. KEINTELEKTUALAN YANG DITERAPKAN OLEH UNIVERSITI ADALAH BERMATLAMAT UNTUK MELAHIRKAN MAHASISWAI YANG SENTIASA KRITIS DAN KREATIF UNTUK MENGEMBANGKAN DAYA PEMIKIRANNYA SUPAYA MAMPU MENGHURAI, MENCERAKIN, MERUMUS DAN

SETERUSNYA BERUPAYA MEMANFAATKAN ILMUNYA TIDAK SAHAJA KEPADA DIRINYA TETAPI JUGA KEPADA ORANG LAIN DAN ALAM SEKITAR. JUSTERU ITU KESEMPATAN MAHASISWA/I BERADA SELAMA 5 HARI BERSAMA KELUARGA ANGKAT DAN MASYARAKAT SETEMPAT DI SINI SEHARUSNYA TELAH DAPAT MEMBERI KEFAHAMAN KEPADA PELAJAR UNTUK MENYELAMI KEPENTINGAN MENUNTUT ILMU DAN MENYUMBANG KEMBALI ILMU YANG TELAH DITUNTUT KEPADA MASYARAKAT SEBAGAI SUATU TANGGUNGJAWAB YANG PERLU DIPIKUL BERSAMA MELALUI AKTIVITI DAN PROGRAM-PROGRAM YANG BERMANFAAT.

Y.A.B/Y.B/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PIHAK UNIVERSITI SEDAR BAHAWA KECEMERLANGAN SESEORANG PELAJAR TIDAK SAHAJA DIUKUR DARI SEGI PENCAPAIAN CEMERLANGNYA DALAM BIDANG AKADEMIK SEMA-

MATA TETAPI MEREKA JUGA PERLU MEMPUNYAI KEPERIBADIAN YANG BERHEMAH. INI KERANA MAHASISWA/I ADALAH MODAL INSAN YANG DIBINA OLEH NEGARA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN BANGSA DAN NEGARA. MEREKA AKAN MENJADI TENAGA KERJA YANG BERILMU, BERKEMAHIRAN, BERDAYA SAING DAN BERDAYA JUANG. MELALUI PROGRAM BAKTI SISWA INI USAHA UNTUK MEMBINA TENAGA KERJA YANG BERKUALITI DARI SEGI ASPEK SIKAP DAN NILAI-NILAI MURNI AKAN DAPAT DIWUJUDKAN. KESEDARAN BERKAITAN TANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT AKAN MENYEDARKAN MEREKA UNTUK TIDAK SAHAJA MENGEJAR KEPADA PEMBANGUNAN SEMATA-MATA TETAPI JUGA PERLU MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI TERUTAMA AMANAH, JUJUR DAN BERMUAFAKAT YANG SENTIASA MENJADI AMALAN PENDUDUK DESA.

Y.A.B./Y.B/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SAYA DIFAHAMKAN PROGRAM INI DIKENDALIKAN SEPENUHNYA OLEH BARISAN EXCO MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN AHLI JAWATAN KUASANYA. MEREKA TELAH BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM INI WALAUPUN DALAM KESIBUKAN MENUNTUT ILMU MELALUI KULIAH DAN TOTURIAL. USAHA INI MERUPAKAN SESUATU USAHA YANG AMAT MEMBANGGAKAN UNIVERSITI. PEMIMPIN-PEMIMPIN PELAJAR INI YANG SUATU HARI NANTI AKAN MENJADI PEMIMPIN MASYARAKAT PERLU MEMPUNYAI SIKAP LEBIH BERDIKARI DAN BERUSAHA LEBIH GIGIH UNTUK MEMPASTIKAN MEREKA MAMPU MENGHADAPI SEGALA RINTANGAN DAN CABARAN.

DI KESEMPATAN INI JUGA SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA

SEMUA PENDUDUK KAMPUNG AIR MAWANG, KAMPUNG SI KOTA DAN KAMPUNG EYOR DI ATAS SETIAP BANTUAN DAN SOKONGAN SERTA KERJASAMA YANG TELAH DIBERIKAN SEPANJANG PROGRAM INI BERLANGSUNG. TANPA SOKONGAN DAN KERJASAMA YANG HARMONIS INI SUDAH PASTINYA PROGRAM INI TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK.

PROGRAM INI YANG BERKONSEPKAN KELUARGA ANGKAT SUDAH TENTU BANYAK MEMBERI KENANGAN KEPADA PELAJAR DAN KELUARGA ANGKAT MASING-MASING. KEPADA KELUARGA ANGKAT YANG SUDI MENERIMA ANAK DIDIK SAYA INI, KALAU ADA PERLAKUAN MEREKA YANG SALAH DAN TAK SENANG MATA MEMANDANG, MOHON-MOHONLAH AGAR DIMAAFKAN DAN DI TEGUR. ANGGAPLAH MEREKA INI SEBAGAI ANAK YANG SENTIASA DAHAGAKAN TEGURAN SEPERTI KATA PANTUN MELAYU:

*BUAH CEMPEDAK DI LUAR PAGAR  
AMBIL GALAH TOLONG JOLOKKAN  
KAMI BUDAK BARU BELAJAR  
KALAU SALAH TOLONG TUNJUKKAN*

*SUASANA KAMPUNG INDAH DAN TENANG  
SALING MUAFAKAT HORMAT MENGHORMATI  
BAIK BUDIMU TUAN AKAN KU KENANG  
TERMETRI DI HATI TERSIMPUL MATI.*

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA SEMUA PIHAK DALAM MELAKSANA DAN MENJAYAKAN PROGRAM BAKTI SISWA KUTKM 2006. TERIMA KASIH SEKALI LAGI DI ATAS KESUDIAN PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG KERANA SUDI MENERIMA KEHADIRAN KAMI DAN SETERUSNYA MENJAYAKAN PROGRAM INI BERSAMA-SAMA. KESUDIAN Y.A.B

MENTERI BESAR HADIR KE MAJLIS INI MEMBERI MAKNA YANG SANGAT BESAR KEPADA UNIVERSITI. IANYA MENANDAKAN KEPRIHATINAN Y.A.B TERHADAP PROGRAM YANG BERLANGSUNG INI DAN MEMBUATKAN KAMI LEBIH BERSEMANGAT UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM SEUMPANA INI DI MASA AKAN DATANG.

SEKIAN. TERIMA KASIH.